

10/01/2003

PMB mahu beli enam pesawat Airbus A380

Abdul Halim Yusoff

PENERBANGAN Malaysia Bhd (PMB), syarikat induk Penerbangan Malaysia (MAS) akan menandatangani perjanjian dengan Airbus Industrie di Kuala Lumpur, hari ini untuk membeli enam pesawat terbesar dunia, A380.

Sumber berkata, PMB, syarikat kerajaan yang mengambil alih semua aset penerbangan MAS itu, akan membeli pesawat super jumbo berkenaan bagi dipajak semula kepada MAS.

Pembelian itu adalah sejajar dengan pembesaran operasi MAS yang memabitkan tambahan destinasi penerbangan baru termasuk ke China, katanya.

Airbus A380 ketika ini adalah pesawat komersial terbesar dunia.

Pesawat dua tingkat itu mampu membawa 555 penumpang dan krew serta sesuai untuk penerbangan terus jarak jauh tanpa henti.

Seunit pesawat itu dianggarkan bernilai AS\$240 juta (RM912 juta).

Pembelian pesawat A380 oleh PMB itu dilihat sebagai sokongan kepada program timbal balas perniagaan antara Malaysia dan Perancis.

Syarikat Malaysia, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) terbabit dalam pengeluaran pelbagai komponen komposit untuk beberapa pesawat Airbus termasuk A380.

Airbus Industrie adalah pembuat pesawat berpangkalan di Perancis.

Butiran lanjut janji niaga itu termasuk kos pembelian pesawat itu tidak diperolehi.

Sumber itu berkata, ia mungkin memabitkan pertimbangan lain termasuk pakej pembelian peralatan lain dari Perancis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara CTRM dan Airbus di Melaka baru-baru ini, mengumumkan hasrat kerajaan untuk membeli lebih banyak pesawat baru termasuk Airbus A380 untuk meningkatkan prestasi MAS.

Airbus A380 akan mula terbang secara komersial mulai 2006 dan Singapore Airlines (SIA) Qantas Airways Ltd (Qantas) adalah pelanggan terawal pesawat itu.

Airbus sudah membina prototaip pesawat berkenaan dan dijangka menjalani ujian penerbangannya mulai 2004.

Sehingga November lalu, Airbus sudah memperoleh sejumlah 97 tempahan bagi A380.

Antara syarikat penerbangan yang menempah A380 termasuk Air France SA, Deutsche Lufthansa AG, Emirates, Virgin Atlantic Airways dan International Lease Finance Corp, syarikat pajakan pesawat berpangkalan di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Penganalisis berkata, pembelian pesawat itu akan membantu merealisasikan sasaran kerajaan menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai pusat penerbangan serantau.

"KLIA mempunyai keupayaan untuk menerima pesawat dua tingkat sebegini sekali gus membolehkannya untuk menjadi pusat pendaratan kapal terbang super jumbo seperti ini untuk pasaran serantau.

"Penggunaan pesawat super jumbo yang dilengkapi pelbagai kemudahan untuk keselesaan penumpang bagi penerbangan jarak jauh seperti penerbangan tanpa henti dari New York ke Kuala Lumpur sedang membentuk aliran baru dalam industri penerbangan dunia," katanya.